

06/12/1999

Mahathir kagumi KD Lekiu

LANGKAWI: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kagum dengan KD Lekiu, satu daripada dua kapal perang yang diserahkan oleh BAe Systems kepada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), baru-baru ini.

KD Lekiu yang dilengkapi sistem Alenia Marconi ditauliah pada 7 Oktober lalu di dermaga Yarrow di Glasgow, manakala KD Jebat ditauliahkan pada 18 November dan berlabuh di Malaysia pada 26 November lalu.

KD Jebat buat pertama kali dipamerkan kepada umum pada Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 1999 (Lima '99) di Langkawi mulai 30 November hingga semalam.

Dua kapal canggih itu menandakan bermulanya minat negara di Asean kepada teknologi terkini dalam usaha mengukuh pertahanan maritim.

Kedua-dua kapal itu dilengkapi dengan pelbagai jenis senjata dan alat pengesan termasuk sistem pengurusan perang, Alenia Marconi Nautis II yang berfungsi sebagai pengesan, mengumpul gambar dan kawalan senjata.

Kapal berkenaan juga dilengkapi sistem Alenia Marconi 1802SW untuk mengesan sasaran dan mengawal kebakaran.

Sementara itu, industri maritim negara bertambah kukuh dan mendapat suntikan semangat baru berikutan termeterainya 13 perjanjian persefahaman (MoU) membabitkan syarikat maritim tempatan dan antarabangsa sepanjang Lima '99.

Memorandum berkenaan bertujuan membuka ruang lebih luas untuk kerjasama bagi memajukan teknologi pertahanan maritim, komunikasi dan pembangunan perniagaan dua hala.

Daripada 13 MoU itu, 10 perjanjian membabitkan syarikat Penang Shipbuilding Corporation (PSC). Semua majlis MoU yang berlangsung serentak di Awana Porto Malai, Langkawi itu disaksikan Dr Mahathir.

(END)